

04/05/1997

KL yakin kerjasama boleh diperkukuh

Zainuddin Ayip in Gaborone (Botswana)

GABORONE (Botswana): Perdana Menteri yakin hubungan yang lebih erat di antara negara di Selatan Afrika dan Asia Tenggara akan memperkukuhkan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerjasama itu juga akan mempercepatkan kerjasama Selatan-Selatan menjadi kenyataan.

Negara di selatan Afrika sudah berjaya melepaskan diri daripada belunggu penjajahan dan Malaysia yakin mereka juga berjaya dalam mewujudkan perpaduan dan ekonomi serantau, katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis jamuan tengah hari yang turut dihadiri Presiden Botswana, Ketumile Masire dan isteri.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie dan 15 ahli perniagaan Malaysia seperti Pengerusi Kumpulan Arab Malaysian, Tan Sri Azman Hashim dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Guthrie, Datuk Khalid Ibrahim.

Dr Mahathir berkata, negara-negara di rantau Asia Tenggara sudah 30 tahun mewujudkan hubungan yang erat dan menerusi Asean, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi bergerak lebih cepat.

Beliau yakin Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 97 (SAID) yang bermula esok akan memberi faedah dan menguntungkan negara anggota Gagasan Pembangunan Benua Selatan Afrika (SADC).

Perdana Menteri berharap, pertukaran kunjungan peringkat tertinggi dan ahli perniagaan akan memastikan hubungan kedua-dua negara terjalin erat terutama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Malaysia, katanya sudah bersedia mewujudkan hubungan kerjasama dalam bidang politik dan ekonomi, selain kemungkinan menembusi kerjasama dalam bidang lain seperti sains, pendidikan dan teknologi maklumat.

Menurutnya, 25 pegawai Botswana sudah mendapat faedah dalam pelbagai kursus yang disediakan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Sejak kunjungan Presiden Botswana pada November 1994, pertukaran pegawai di sektor swasta sudah terjalin dan diharap ia berterusan.

"Beberapa usahawan Malaysia turut menyertai rombongan saya dan saya harap mereka dapat bertemu dan berbincang dengan usahawan Botswana mengenai peluang kerjasama yang boleh diterokai," katanya.

Dalam majlis meraikan ahli perniagaan Botswana dan Malaysia pada sebelah petang, Perdana Menteri sekali lagi mengajak usahawan kedua-dua negara menjalinkan hubungan yang lebih erat.

(END)